

Headline	528kg dadah ditemui di Padang Besar bukan dalam kawasan FRIM		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Jan 2024	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	30	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	165 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,498
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,494



## 528kg dadah ditemui di Padang Besar bukan dalam kawasan FRIM

**KANGAR** - Penemuan dadah jenis syabu seberat 528 kilogram (kg) bernilai RM19 juta di Padang Besar yang dilaporkan media pada 15 Januari lepas, bukan berada di dalam kawasan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Ketua Pengarah FRIM, Dr Ismail Parlan dalam satu kenyataan pada Jumaat memaklumkan, pihak polis telah membuat soal siasat terhadap kakitangan FRIM pada Selasa lepas dan didapati lokasi sebenar kejadian itu adalah di luar kawasan Stesen Penyelidikan FRIM, Mata Ayer.

"FRIM ingin menjelaskan bahawa laporan media mengenai kes penyimpanan 20 guni dadah jenis syabu yang dikatakan berlaku di Kawasan Hutan Simpan Persekutuan baru-baru ini adalah kurang tepat.

"Selain itu, nama penuh bagi FRIM bukan Forest Reserve Institute Malaysia tetapi Forest Research Institute Malaysia atau dalam bahasa Melayu, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pihak FRIM amat menghargai peranan media dalam menyebarkan



ISMAIL

maklumat penting kepada masyarakat umum dan berharap pihak media akan membetulkan fakta berkenaan dalam laporan seterusnya berhubung kes itu.

"Pihak FRIM juga sentiasa bersedia untuk turut membantu pihak polis atas perkara berkenaan.

"Sebarang pertanyaan berkaitan FRIM, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat (CCU) FRIM **03-6279 7555/7458** atau melalui e-mel [frim\\_ccu@frim.gov.my](mailto:frim_ccu@frim.gov.my),"

katanya.

Pada 15 Januari lepas, media tempatan melaporkan polis melumpuhkan sindiket pengedaran dadah terbesar di Perlis yang menggunakan kawasan Hutan Simpan Persekutuan FRIM di Padang Besar sebagai lokasi transit selepas merampas 528kg dadah jenis syabu bernilai RM19 juta pada 10 Januari lepas.

Memetik laporan itu, antara lain menyebut pemeriksaan di kawasan terbabit menemukan sebuah troli besi ditutupi ranting dan daun terbiar yang di dalamnya terdapat 20 guni berjahit mengandungi 480 bungkusan plastik teh Cina disyaki dadah jenis methamphetamine atau syabu. - *Bernama*